

Headline **Dutch Lady jamin harga produk kekal hingga Ogos**  
Date **20 May 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **26**  
Article Size **154 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,267**  
PRValue **9,800**



# Dutch Lady jamin harga produk kekal hingga Ogos

**D**UTCH Lady Milk Industries Bhd tidak akan menaikkan harga produknya sehingga Ogos atau September ini, demikian jaminan Pengarah Urusannya, Bas van den Berg, kepada pengguna.

"Kami akan berusaha se-daya upaya untuk tidak menaikkan harga, tetap saya tidak boleh berjanji tidak akan berlaku sebarang kenaikan.

"Itu amat bergantung kepada perkembangan dalam tiga hingga empat bulan akan datang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

van den Berg berkata, Dutch Lady berupaya mengekalkan harga produknya kerana ia telah memesan ke hadapan bahan mentah tenusu hingga Ogos/September.

"Kita telah melihat kenaikan ketara harga bahan mentah dalam enam bulan kebelakangan ini, dan berdasarkan keadaan semasa, kami menjangka kenaikan selanjutnya tahun ini," katanya.

Beliau berkata, harga tepung susu tanpa lemak yang menjadi bahan mentah tenusu utama, dijangka meningkat kepada lebih AS\$3,000 satu tan tahun ini, berbanding AS\$2,100 satu tan pada suku keempat tahun lalu.

"Sejajar dengan prospek



**Bas van den Berg**

positif ekonomi Malaysia, kami menjangkakan pertumbuhan besar pasaran tenusu. Keyakinan pelabur semakin meningkat dan ini akan dapat dilihat daripada tindak tanduk pengguna," katanya.

van den Berg menambah, meskipun tahun ini mencabar bagi syarikat, pihaknya menjangka dapat mencapai keputusan lebih baik bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Bagi suku pertama 2010, keuntungan sebelum cukai Dutch Lady bertambah kepada RM28.28 juta daripada RM12.66 juta pada suku pada 2009.

Pendapatannya meningkat kepada RM173.11 juta daripada RM168.56 juta sebelumnya.

Dutch Lady, satu jenama terkemuka di Malaysia, menikmati hampir 20 peratus penguasaan pasaran. Ia meraih 50 peratus agihan pasaran susu UHT (suhu ultra tinggi).